

Sejarah Tingkatan 1

Arahan : Jawab semua soalan dan hitamkan jawapan anda di kertas jawapan yang telah disediakan di helaian terakhir kertas soalan.

Nama : _____

Kelas : _____

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah :

- Berkembang di Semenanjung Greece dan pulau-pulau di Laut Aegean serta Laut Mediterranean.
- Terkenal dengan Negara-kota atau Polis.
- Penduduknya dikenali sebagai pelayar yang handal.

1. Pernyataan di atas merujuk kepada salah satu tamadun yang berkembang antara tahun 1000 SM hingga 800 SM. Apakah nama tamadun tersebut?
 - A. Tamadun Rom
 - B. Tamadun Yunani
 - C. Tamadun China
 - D. Tamadun India

Soalan 2 berdasarkan pernyataan di bawah :

Tamadun Yunani dan Tamadun Rom menunjukkan peningkatan yang tinggi dalam pelbagai bidang.

2. Antara pernyataan yang berikut, manakah yang berkaitan dengan peningkatan tamadun?
 - A. Kelangsungan manusia mencipta teknologi berasaskan inovasi terkini.
 - B. Kebolehan manusia meningkatkan ekonomi agar lebih kukuh.
 - C. Kesungguhan manusia menjalinkan hubungan serantau.
 - D. Kemampuan manusia menggunakan pemikiran dan alam sekitar.
3. Apakah fungsi Dewan Perhimpunan di Athens?
 - I. Mahkamah orang awam
 - II. Melantik ahli majlis
 - III. Menguruskan hal ehwal pendidikan
 - IV. Melaksanakan dasar-dasar

A. I dan II	C. III dan IV
B. II dan III	D. I dan IV

4. Antara yang berikut manakah pernyataan yang menunjukkan masyarakat Sparta mementingkan latihan ketenteraan.
 - A. Rakyat perlu berjiwa patriotik
 - B. Dua orang raja sebagai ketua kerajaan
 - C. Kaum wanita tidak terlibat dalam ketenteraan
 - D. Anak lelaki dilatih dari awal menjadi tentera

5. Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?
 - A. Raja sebagai ketua kerajaan
 - B. Rakyat terlibat dalam pemerintahan
 - C. Dewan Negara meluluskan belanjawan
 - D. Dewan Negara menentukan Ketua Negara

6. Pilih ciri pemimpin yang perlu ada dalam gaya kepimpinan berikut :

Demokrasi	Tirani
A. Berkuasa mutlak	Jujur
B. Menindas rakyat	Tamak
C. Telus	Zalim
D. Rasuah	Amanah

7. Seni bina agung Tamadun Rom ialah Colosseum. Apakah fungsi Colosseum terhadap masyarakat Rom?
 - A. Pemujaan dewa
 - B. Pusat pentadbiran
 - C. Pertarungan pahlawan
 - D. Penyimpanan patung

8. Manakah antara berikut adalah merupakan jenis pemerintahan yang diamalkan oleh Tamadun Yunani?
 - A. Demokrasi berparlimen
 - B. Demokrasi tidak langsung
 - C. Demokrasi bebas
 - D. Demokrasi langsung

9. Pilih pernyataan yang betul tentang ciri-ciri demokrasi di Athens
 - I. Dewan Perhimpunan merupakan badan tertinggi
 - II. Mempunyai sistem pilihan raya untuk memilih badan pemerintah
 - III. Di bawah Dewan Perhimpunan terdapat tiga badan iaitu Majlis, Majistret dan Juri
 - IV. Majlis mempunyai kuasa kawalan terhadap pentadbiran dan menetapkan dasar-dasar yang akan dilaksanakan.
 - A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

10. Pilih pernyataan yang benar tentang fungsi Majistret dalam sistem Demokrasi di Athens
- I. Melaksanakan keputusan Dewan Perhimpunan
 - II. Mengatasi kuasa Dewan Perhimpunan
 - III. Merupakan kakitangan kerajaan
 - IV. Melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh Majlis
- A. I dan II C. III dan IV
B. II dan III D. I dan III

Soalan 11 berdasarkan pernyataan di bawah :

- Badan yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan dengan keadilan.
- Dianggotai oleh 101 hingga 1001 orang berdasarkan keseriusan kes.
- Menjadi pemutus kepada sesuatu kes

11. Pernyataan di atas adalah fungsi satu badan di bawah Dewan Perhimpunan iaitu
- A. Majistret
 - B. Juri
 - C. Mahkamah
 - D. Majlis
12. Apakah jenis sistem pemerintahan dan pentadbiran yang diamalkan di Sparta?
- A. Oligarki
 - B. Aristokrasi
 - C. Monarki terhad
 - D. Tirani
13. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pemerintahan Monarki Terhad yang diamalkan oleh Sparta?
- A. Menekankan disiplin ketenteraan
 - B. Menekankan aspek disiplin dan taat setia
 - C. Mempunyai dua raja yang sama-sama memerintah bagi mengelakkan seorang daripada raja bertindak kejam.
 - D. Urusan pentadbiran dibantu oleh sebuah Dewan Perhimpunan dan Majlis
14. Tamadun ini terletak di Lembah Latium berhampiran dengan Sungai Tiber. Tamadun yang dimaksudkan ialah..
- A. Tamadun Yunani
 - B. Tamadun Athens
 - C. Tamadun Indus
 - D. Tamadun Rom
15. Tamadun Rom terbahagi kepada tiga zaman iaitu
- A. Zaman Purba, Zaman Pertengahan, Zaman Akhir
 - B. Zaman Beraja, Zaman Republik, Zaman Empayar
 - C. Zaman Beraja, Zaman Dinasti, Zaman Maharaja
 - D. Zaman Dinasti, Zaman Republik, Zaman Empayar

16. Tamadun rom mencapai kegemilangannya pada era...
- Klasik Rom
 - Sejarah Eropah
 - Pax Romana
 - Kerajaan Macedonia
17. Masyarakat Rom terbahagi kepada
- Patrician, Plebian dan hamba
 - Raja, bangsawan dan hamba
 - Maharaja, bangsawan, hamba
 - Raja Firaun, bangsawan, hamba abdi
18. Perkembangan seni Rom berkembang pesat kerana lahirnya beberapa arkitek seperti
- Marco Vitruvius
 - Visanius Agrippa
 - Hadrian
 - Raja vespian
19. Apakah kegunaan seni bina Colosseum?
- Tempat mengadakan persembahan dan pertandingan bersaiz besar seperti acara Gladiator
 - Tempat penyembahan dewa-dewi masyarakat Rom
 - Melindungi kerajaan Rom
 - Melambangkan kehidupan bertamadun
20. Soalan ini adalah berdasarkan pernyataan di bawah:

- Merupakan binaan Colosseum mini
- Terbina lebih 230 buah diseluruh Empayar Rom
- Sebuah gelanggang terbuka

Pernyataan tersebut adalah merujuk kepada salah satu seni bina dalam tamadun Rom, apakah nama seni bina tersebut?

- Colosseum
- Amfiteater
- Akueduk
- Pantheon

21. Soalan ini berdasarkan pernyataan di bawah:

- Berfungsi sebagai tempat penyembahan dewa-dewi
- Binaan berkubah yang terbesar di dunia
- Mempunyai ruang terbuka yang dikenali sebagai *Oculus*

Pernyataan tersebut adalah merujuk kepada ciri-ciri binaan?

- A. Colosseum
- B. Akueduk
- C. Pantheon
- D. Amfiteater

22. Rajah berikut menunjukkan perubahan Tamadun Indus kepada Tamadun India.

Tamadun Indus → Tamadun India

Bagaimanakah perkembangan atau perubahan tamadun tersebut boleh berlaku?

- A. Peralihan pusat tamadun ke Lembah Ganges
- B. Kemunculan kerajaan-kerajaan kecil, iaitu janapada
- C. Kewujudan kerajaan besar seperti mahajanapada
- D. Kedudukan Magadha yang strategik

23. Sumbangan Magadha terhadap Tamadun India dapat dilihat melalui

- A. Penyebaran agama Hindu
- B. Kewujudan kerajaan baharu
- C. Pemerintahan yang kukuh
- D. Penyatuan masyarakat India

24. Asoka menghentikan usaha perluasan kuasa secara fizikal sebaliknya menumpukan kepada pengembangan agama Buddha. Apakah peristiwa yang menyebabkan perubahan kaedah perluasan kuasa itu berlaku?

- A. Desakan rakyat
- B. Perang Kalinga
- C. Rampasan kuasa
- D. Gabungan ketenteraan

25. Jadual berikut menunjukkan nama tokoh dalam Tamadun India dan Tamadun China.

Tamadun	Tokoh
India	Chandragupta Maurya
China	x

Siapakah x?

- A. Asoka
 - B. Bindusara
 - C. Shih huangdi
 - D. Kautilya
26. Matlamat sistem pendidikan Tamadun China ialah membezakan golongan elit dengan golongan rakyat. Manakah antara yang berikut merupakan kelebihan seseorang yang terpelajar dalam Tamadun China?
- A. Mendapat gaji lumayan
 - B. Bantuan pendidikan
 - C. Tawaran latihan ketenteraan
 - D. Menduduki hierarki teratas
27. Sistem peperiksaan Tamadun China dikawal ketat dan mereka yang didapati meniru akan dikenakan hukuman. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan ketelusan dalam proses peperiksaan Tamadun China?
- A. Calon dikurung sebelum menghadapi peperiksaan
 - B. Kertas peperiksaan dikawal ketat dalam penjara
 - C. Penggubal kertas peperiksaan dikurung
 - D. Kawasan peperiksaan ditutup
28. Masyarakat Rom terbahagi kepada tiga kelompok. Kelompok yang paling tinggi dikenali?
- A. Pelbian
 - B. Patrician
 - C. Pendeta
 - D. Bangsawan
29. Antara faktor kejayaan perluasan kuasa dalam Tamadun India termasuklah
- I. Dasar pembangunan negara
 - II. Ketahanan binaan tembok
 - III. Kekuatan ketenteraan
 - IV. Dasar pemerintahan
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan III

Soalan 30 adalah berdasarkan pernyataan di bawah:

- Menyatukan China
- Menyeragamkan unit timbang dan sukat
- Menyeragamkan tulisan

30. Senarai di atas merujuk kepada sumbangan

- A. Cai Lun
- B. Han Fei Zi
- C. Konfusius
- D. Maharaja Shi Huangdi

31. Masyarakat China membenarkan berlakunya peningkatan taraf sosial. Bagaimanakah caranya?

- A. Lulus peperiksaan
- B. Menyertai peperangan
- C. Mengisytiharkan diri sebagai pembesar
- D. Memperkenalkan ajaran baharu

32. Semasa zaman pemerintahan Asoka, dasar perluasan kuasa secara fizikal dihentikan dan tumpuan diberikan kepada pengembangan agama Buddha. Bagi mengukuhkan pembinaan negara, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dalam pemerintahannya telah diukir pada tiang batu yang diletakkan dikawasan strategik. Apakah nama tiang tersebut?

- A. Tiang Maurya
- B. Tiang Gupta
- C. Tiang Nanda
- D. Tiang Asoka

33. Apakah ciri-ciri peperiksaan perkhidmatan awam yang diamalkan dalam Tamadun China?

- I. Hanya lelaki yang dibenarkan menduduki peperiksaan
 - II. Mengekalkan tradisi dan budaya China terutamanya ajaran konfusianisme
 - III. Tumpuan kepada aspek menulis karangan dan sajak
 - IV. Menterjemah dan mengintepretasikan buku suci
- A. I dan II
 - B. III dan IV
 - C. II dan III
 - D. I dan IV

34. Terdapat tiga tahap sistem pendidikan dalam Tamadun China iaitu

- I. Pendidikan rendah
 - II. Pendidikan tinggi
 - III. Pendidikan menengah
 - IV. Pusat pengajian tinggi
 - V. Pendidikan awal kanak-kanak
- A. I, II dan III
 - B. I,II dan IV
 - C. I, IV dan V
 - D. II, III dan IV

35. Apakah keistimewaan yang akan diperolehi oleh seseorang calon yang lulus tahap pertama (Xiucai) dalam peperiksaan perkhidmatan awam:
- A. Memperoleh butang keemasan dan mendapat jawatan dalam kerajaan
 - B. Mendapat kedudukan dan pangkat tinggi dalam kerajaan dan memperoleh pelbagai keistimewaan yang lain, termasuk untuk keluarga dan kampungnya
 - C. Memperoleh butang keemasan yang akan dilekat pada topi mereka dan diterima sebagai kakitangan kerajaan peringkat rendah dan menyertai Majlis Santapan Diraja
 - D. Memperoleh butang keemasan dan mempunyai kakitangan pengiring
36. Nyatakan tiga tahap dalam peperiksaan perkhidmatan awam:
- A. Tahap Pertama (Xiucai), Tahap Kedua (Juren), Tahap ketiga (Jinshi)
 - B. Tahap Rendah, Tahap Menengah, Tahap Tinggi
 - C. Tahap permulaan, Tahap pertengahan, Tahap tertinggi
 - D. Tahap Awal, Tahap tengah, Tahap Akhir
37. Semasa pemerintahan Dinasti Han, Tamadun China juga telah menunjukkan peningkatan dalam bidang perdagangan, apakah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan dalam bidang perdagangan?
- A. Pembukaan Laluan Sutera, iaitu laluan perdagangan daratan terpanjang.
 - B. Perkembangan sistem pendidikan dalam Tamadun China
 - C. Peperiksaan perkhidmatan awam yang melahirkan ramai golongan pedagang
 - D. Matlamat sistem pendidikan dalam Tamadun China
38. Siapakah tokoh yang memperkenalkan teknologi pembuatan kertas dalam Tamadun China?
- A. Han Fei Zi
 - B. Cai Lun
 - C. Maharani Dowager Cixi
 - D. Maharaja Han Wu Di
39. Apakah nama pusat pemerintahan semasa Dinasti Qin dalam Tamadun China?
- A. Lembah Sungai Huang He
 - B. Gurun Gobi
 - C. Xianyang
 - D. Chang'an
40. Dimanakah lokasi Tamadun Rom?
- A. Lembah Aluvium, Sungai Tiber
 - B. Lembah Latium, Sungai Tiber
 - C. Lembah Olovium, Sunagi Tiber
 - D. Lembah Sotium, Sungai Tiber
41. Berikut merupakan pesaing-pesaing yang berjaya dikalahkan oleh Tamadun Rom kecuali
- A. Etruscan
 - B. Macedonia
 - C. Sovonia
 - D. Mesir

42. Tamadun Rom mencapai zaman kegemilangan pada zaman Pax Romana 27 SM -180 SM? Mengapakah zaman tersebut dikatakan mencapai zaman kegemilangan?
- A. Kestabilan ekonomi
B. Hubungan luar berkesan
C. Meluaskan empayar
D. Mencapai keamanan
43. Kewujudan teknologi pembuatan kertas menjadikan sistem pendidikan dalam Tamadun China semakin baik. Manakah antara berikut merupakan bahan dalam pembuatan kertas
- I. Kulit pokok
II. Serpihan rami kain
III. Jaring ikan
IV. Benang
V. Daun
- A. II, III dan IV
B. III, IV dan V
C. I, II dan III
D. I, II dan V
44. Dalam Tamadun China peperiksaan perkhidmatan awam bertujuan untuk membolehkan seseorang
- I. Menerima penghormatan
II. Mendapatkan gaji yang lumayan
III. Meningkatkan taraf sosial ke arah kehidupan yang lebih baik
IV. Menjadikan seseorang itu boleh berada di hierarki teratas
- A. I dan III
B. II dan IV
C. II dan III
D. I dan IV

Soalan 45 adalah berdasarkan pernyataan di bawah

Amalan dalam kehidupan masyarakat Sparta

- Kanak-kanak berusia tujuh tahun dilatih menjadi tentera
- Kaum wanita dilatih menjalani latihan fizikal seperti bertinju

45. Pernyataan di atas menunjukkan sistem pemerintahan dan pentadbiran di Sparta mengutamakan dan menekankan
- A. Disiplin ketenteraan dan taat setia
B. Kekuatan ketenteraan
C. Kemenangan dalam siri peperangan
D. Pengorbanan seseorang warganegara

Soalan 46 berdasarkan pernyataan di bawah

Dinasti Nanda, Maurya, dan Gupta Berjaya menonjolkan kehebatan memperluaskan kuasa sehingga membentuk kerajaan dan empayar yang luas.

46. Apakah faktor perluasan kuasa dalam Tamadun India?
- I. Dasar pemerintah
 - II. Kesetiaan tentera
 - III. Kekuatan ketenteraan
 - IV. Raja yang adil
- A. I dan II C. III dan IV
B. I dan III D. II dan III
47. Pada pendapat anda, apakah kesan perluasan kuasa jika diamalkan pada masa kini?
- I. Meruntuhkan perpaduan
 - II. Melanggar hak asasi manusia
 - III. Mengurangkan kemusnahan awam
 - IV. Memupuk semangat seجات
- A. I dan II C. III dan IV
B. II dan III D. I dan IV
48. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kita boleh memajukan Malaysia setara dengan negara maju pada hari ini?
- I. Pemerintahan yang stabil
 - II. Lojakan pendidikan
 - III. Perpecahan kaum
 - IV. Masalah social
- A. I dan II C. III dan IV
B. II dan III D. I dan IV
49. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah iktibar yang boleh menjadi panduan kepada rakyat untuk membina negara yang lebih berdaulat?
- A. Perang antara wilayah adalah berkesan untuk meluaskan kuasa
 - B. Kekuatan kepimpinan tidak menjamin kestabilan negara
 - C. Pematuhan undang-undang adalah penting diamalkan
 - D. Sistem peperiksaan yang telus tunjang perpaduan kaum
50. Bagaimanakah usaha para pemimpin tamadun awal dunia untuk memastikan kelicinan urusan pentadbiran negara?
- A. Melantik pembantu raja
 - B. Mewujudkan kelas sosial
 - C. Menubuhkan pondok polis
 - D. Membentuk undang-undang

Nama: _____

Kelas: _____

Tandakan jawapan anda pada kertas jawapan ini

No. soalan		JAWAPAN		
1	A	B	C	D
2	A	B	C	D
3	A	B	C	D
4	A	B	C	D
5	A	B	C	D
6	A	B	C	D
7	A	B	B	D
8	A	B	C	D
9	A	B	C	D
10	A	B	C	D
11	A	B	C	D
12	A	B	C	D
13	A	B	C	D
14	A	B	C	D
15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D
21	A	B	C	D
22	A	B	C	D
23	A	B	C	D
24	A	B	C	D
25	A	B	C	D
26	A	B	C	D
27	A	B	C	D
28	A	B	C	D
29	A	B	C	D
30	A	B	C	D
31	A	B	C	D
32	A	B	C	D
33	A	B	C	D
34	A	B	C	D
35	A	B	C	D
36	A	B	C	D
37	A	B	C	D
38	A	B	C	D
39	A	B	C	D
40	A	B	C	D
41	A	B	C	D
42	A	B	C	D
43	A	B	C	D
44	A	B	C	D

45	A	B	C	D
46	A	B	C	D
47	A	B	C	D
48	A	B	C	D
49	A	B	C	D
50	A	B	C	D

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,
